

CONTOH SOALAN LAZIM UNIT INTEGRITI

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Integriti?

Integriti adalah amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat. Integriti dianggap sebagai kejujuran dan kebenaran atau ketetapan tindakan seseorang.

2. Mengapa Integriti penting dalam pekerjaan?

Supaya kepercayaan masyarakat umum terhadap sesebuah organisasi (MPS) tidak terjejas sehingga boleh mengganggu kestabilan dan keharmonian. Segala dasar dan polisi berkaitan yang dilaksanakan seharusnya diamalkan oleh semua penjawat awam dengan sepenuh hati.

3. Apakah jenis aduan dan siasatan yang boleh diproses di Unit Integriti?

Unit Integriti ini memproses dan menjalankan siasatan berkaitan salah laku pegawai dan kakitangan MPS yang berjawatan kontrak dan tetap dari pelbagai Jawatan dan Gred.

4. Apakah saluran yang digunakan untuk membuat aduan salah laku kakitangan?

Ada beberapa saluran yang boleh digunakan iaitu :

- i. Melalui panggilan telefon ke nombor 03-6126 6037 pada waktu pejabat (Jam 8.00pagi – 5.00petang, Isnin sehingga Jumaat)
- ii. Menghantar surat kepada Ketua Unit Integriti, Tingkat Bawah, Bangunan Lama, MPS
- iii. Menghantar emel ke alamat integriti@mps.gov.my
- iv. Hadir bersemuka dengan pegawai di Unit Integriti, MPS

5. Apakah kaedah atau peraturan yang digunapakai oleh Majlis bagi menentukan kesalahan?

Kaedah atau peraturan yang digunapakai adalah berdasarkan Buku Warta Kerajaan Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Daerah Gombak 1995.

6. Adakah kesalahan berhubung jenayah-jenayah lebih berat seperti mencuri, membunuh, menyamun, rasuah, salahguna kuasa dan membuat tuntutan palsu yang dilakukan oleh penjawat awam boleh diadukan kepada Unit Integriti?

Ya, boleh. Ini kerana aduan-aduan tersebut akan diambil tindakan setelah saringan dibuat dan Unit Integriti akan menyalurkan aduan-aduan tersebut kepada agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk diambil tindakan terhadap aduan-aduan tersebut.